



**INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN KUALA LUMPUR
JABATAN TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

Dr Auto ILPKL

1. Dr Auto ILPKL adalah model yang diadaptasi dari model *School Enterprise* (SE) yang diperkenalkan oleh Nik Kafka melalui NGO *Teach A Man To Fish* (teachamantofish.org.uk) yang beribu pejabat di Finsbury Park, London bermula dari tahun 2006. SE diperkenalkan sebagai satu sistem pendidikan yang menyediakan pelajar dengan pengetahuan asas untuk bekerja, hidup dan terus belajar selepas tamat pengajian di dalam sistem pendidikan rasmi. Golongan sasar program ini terdiri daripada pelajar yang berada di Afrika, Latin Amerika dan Asia.
2. Sebagai satu usaha untuk menggalakkan sekolah di seluruh dunia melibatkan diri di dalam program SE, *Teach A Man To Fish* telah menganjurkan *School Enterprise Challenge* yang menawarkan hadiah sebanyak USD50,000. Pada tahun 2016, sebanyak 5265 sekolah dari 106 negara telah mengambil bahagian di dalam program ini. Melalui program ini pelajar akan diajar mengenai cara untuk menjalankan perniagaan sebenar untuk mendapatkan keuntungan yang boleh digunakan untuk membantu membiayai kos operasi sekolah atau badan amal pilihan mereka.

3. Di Malaysia, Institusi kemahiran seperti Giat Mara, Kolej Vokasional dan IKBN serta Universiti Awam telah menubuhkan inkubator yang bertujuan untuk mendedahkan bidang keusahawanan sebagai satu cabang pekerjaan kepada pelajar.
4. Kerajaan Malaysia melalui Perbadanan Pembangunan Multimedia Malaysia (MDEC) telah memperkenalkan persidangan Daya e-Usahawan yang bertujuan untuk mengiktiraf pencapaian pelajar yang mampu menjana pendapatan yang tertinggi melalui program pembangunan usahawan yang dijalankan di tempat mereka menuntut ilmu. Untuk tahun 2016, seramai 3000 peserta dari seluruh Malaysia telah terpilih untuk menyertai program yang amat berprestij ini. Penyampaian anugerah yang terdiri daripada pelajar terbaik, usahawan mikro terbaik dan pusat bidang pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET) terbaik ini telah disampaikan oleh Datuk Seri Najib Razak.

Sejarah penubuhan Dr Auto ILPKL

5. Dr Auto ILPKL telah dirasmikan oleh Datuk Romli Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), Kementerian Sumber Manusia selaku wakil rasmi kepada Timbalan Menteri Sumber Manusia, pada 2 April 2015, bersempena dengan Majlis pemeteraian kerjasama pintar antara ILPKL dengan UiTM berkaitan kerjasama pembangunan sumber manusia dalam bidang teknologi solar fotovoltaik.



- Objektif penubuhan Dr Auto ILPKL ialah untuk meningkatkan kompetensi serta kebolehpkerjaan graduan ILPKL khususnya di bidang Automotif, mendedahkan pelajar kepada situasi pekerjaan sebenar, menawarkan perkhidmatan pembaikan kenderaan kepada komuniti setempat dengan kos yang berpatutan serta membantu lepasan sekolah,pekerja industri dan orang ramai meningkatkan kemahiran di dalam bidang Automotif.



- Pada peringkat awal penubuhannya Dr Auto ILPKL hanya menawarkan kursus kemahiran penyelenggaraan kenderaan untuk kakitangan di bawah Kementerian Sumber Manusia dan komuniti secara percuma. Kursus pengenalan teknik penyelenggaraan kenderaan secara percuma ini telah diadakan

sebanyak 3 siri pada tahun 2015 dan telah dihadiri oleh seramai 16 orang peserta.

8. Dr Auto turut menjalankan kerja pembaikan ringan pada setiap hari Jumaat sebagai salah satu program khidmat masyarakat (CSR) serta aktiviti promosi untuk memperkenalkan Dr Auto ILPKL kepada komuniti setempat. Aktiviti pembaikan kenderaan dijalankan oleh para pelajar di bawah pengawasan pengajar pakar yang telah berkhidmat sebagai pengajar di antara 5 hingga 25 tahun. Menurut rekod sehingga Mei 2017, sebanyak 300 buah kenderaan telah mendapatkan perkhidmatan membaiki kenderaan yang disediakan oleh Dr Auto ILPKL.

Kerjasama strategik 2017

9. Sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kerjasama dengan industri Dr Auto ILPKL sedang berbincang dengan pelbagai pihak seperti Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perodua, Honda Malaysia, Nano Malaysia, Clear Carbon Malaysia, FSA Racing, SRT Racing, IDEAS CAD Technology, Teraju dan Spanco bagi meneroka ruang kerjasama yang baru pada masa akan datang.



eUsahawan

10. Revolusi Industri 4.0 yang dipacu oleh pelbagai gajet canggih seperti telefon pintar dan tablet telah merubah gaya hidup manusia, jika dulu manusia membeli barangan kerana terpengaruh dengan iklan yang disiarkan oleh TV dan radio, kini manusia membeli barangan kerana faktor seperti harga, kualiti dan kaedah pembelian yang mudah. Revolusi 4.0 juga akan menyebabkan kerja tradisional mengecil atau pupus.
11. Untuk mengatasi masalah ini usahawan terkenal seperti Jack Ma dan Robert Kiyosaki mengusulkan supaya semua orang menjadi usahawan. Usahawan akan mampu untuk mengenal pasti ruang dan peluang pekerjaan baru sesuai dengan peredaran zaman semasa. Usahawan juga mampu menjana pendapatan sendiri serta mewujudkan peluang pekerjaan kepada orang lain.
12. Program eUsahawan (eusahawan.mdec.my) telah dilancarkan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 23 November 2015. Program eUsahawan merupakan salah satu inisiatif kerajaan untuk menerapkan nilai dan ilmu keusahawanan digital di kalangan golongan belia dan usahawan mikro.



13. Program eUsahawan terbahagi kepada dua; eUsahawan muda dan eUsahawan Desa. eUsahawan Muda merupakan program kerjasama antara MDEC dan Institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) bagi memperkasakan keusahawan digital di peringkat akar umbi. Kerjasama ini melibatkan penerapan ilmu keusahawan digital ke dalam kurikulum pendidikan demi memberi pendedahan kepada para pelajar untuk menerokai peluang sebagai usahawan digital. eUsahawan Desa pula merupakan program keusahawanan digital untuk usahawan mikro. Program jangka pendek selama 2 hari dijalankan di institusi TVET dan pusat latihan yang terpilih di seluruh negara.

Dr Auto MOST Team

14. Bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai usahawan dari kalangan pelajar TVET, Dr Auto ILPKL dengan kerjasama Mobile Oil Service Team (MOST) telah melancarkan Dr Auto MOST Team pada 15 Jun 2017.
15. Melalui kerjasama dengan MOST (mostcare.weebly.com), Dr Auto ILPKL yang berfungsi sebagai MOST drive thru mampu menawarkan servis pembaikan kenderaan dengan pakej yang berpatutan selama 5 hari seminggu dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

16. MOST turut menawarkan peluang perniagaan kepada para pelajar dengan modal serendah RM80.00 sahaja. Rakan niaga MOST dikenali sebagai MOST Technician.




Penjenamaan dan pemasaran Dr Auto

17. Untuk memudahkan penjenamaan, semua MOST drive thru yang beroperasi di dalam premis ILJTM akan menggunakan jenama Dr Auto. Sehingga 8 Ogos 2017, sebanyak 7 buah ILJTM yang terdiri daripada ADTEC Melaka, ILP Kuala Lumpur, ILP Mersing, ILP Pasir Gudang, ILP Jitra, ILP Kota Bahru dan ILP Kota Kinabalu telah mengguna pakai jenama Dr Auto untuk menjalankan perkhidmatan membaiki kenderaan sebagai salah satu program keusahawanan. Usaha secara berterusan sedang dijalankan bagi mengembangkan lagi model perniagaan ini ke kesemua ILJTM yang menjalankan kursus Automotif.






18. Penjenamaan (branding) dan pemasaran (marketing) jenama Dr Auto dilakukan dengan menggunakan media digital. Menurut kajian yang dibuat oleh *netmarketshare.com*, Internet digunakan untuk mencari maklumat sebanyak 6,586,013,574 kali dalam sehari, daripada jumlah itu Google digunakan sebanyak 4,464,000,000 kali sehari. Kajian tersebut turut mendedahkan bahawa sehingga April 2017, 77% dari pengguna Internet di seluruh dunia menggunakan Google untuk mencari maklumat.



19. Untuk memudahkan pengguna Internet mendapatkan maklumat berkaitan Dr Auto ILPKL, lokasi Dr Auto ILPKL telah didaftarkan melalui aplikasi *Google My Business*, pengguna Internet juga boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai Dr Auto ILPKL

melalui laman web, *drautoilpkl.weebly.com* serta laman facebook Dr Auto ILPKL (*www.facebook.com/DrAutoILPKL*).

20. Hasil carian di enjin carian Google pada 21/8/2017, kata kunci Dr Auto menghasilkan 248 juta hasil carian dan maklumat berkaitan Dr Auto ILPKL di paparkan di muka surat pertama di kedudukan 6. Dalam masa yang sama carian dengan kata kunci Dr Auto ILPKL menghasilkan 373 hasil carian dengan laman Dr Auto ILPKL berada di kedudukan teratas dan facebook Dr Auto ILPKL berada di kedudukan kedua.



ILPKL Motorsport

21. Pasukan Motorsport ILPKL telah dirasmikan Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Manusia Datuk Chin Phaik Yoong pada 23 September 2014. Objektif utama penubuhan pasukan ini ialah

untuk mempromosikan ILPKL kepada masyarakat melalui sukan pemotoran.



22. Sehingga hari ini pasukan Motorsport ILPKL telah menghasilkan 3 buah jentera kart dan sebuah kereta drag.



23. Kejayaan yang telah dicapai oleh jentera Satria Neo ialah tempat kelima di dalam kategori kelas H, Melaka Time Attack Wars 2015, di MITC Melaka; tempat ketiga di dalam Kelas J, KLFX Superspeed Malaysia Finale 2016 serta mendapat tempat keenam di dalam Revmax Time Attack 1st Anniversary 2017 di MITC Melaka.



24. Jentera perlumbaan go kart pula telah menyertai 2 kejohanan eimaRace pada tahun 2015 dan 2016 seta berjaya berada di kedudukan ke 5 di dalam pertandingan 2015, manakala pertandingan eimaRace 2016 berakhir dengan tanpa sebarang keputusan rasmi kerana insiden yang berlaku semasa sesi perlumbaan sedang berjalan.

25. Sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan pembinaan jentera perlumbaan pasukan ILPKL Motorsport telah bekerjasama dengan beberapa syarikat seperti SRT Racing, FSA Racing, Idea Cad Technology dan Mentari Academy, untuk mendapatkan khidmat nasihat serta mempelajari teknik pembinaan jentera perlumbaan yang berkesan.

26. Kerjasama di antara Pasukan Motorsport ILPKL dengan Pesona Aman Sdn Bhd (Pesona Aman) yang bermula pada 12 April 2017, telah membuka ruang untuk pasukan Motorsport ILPKL bergiat secara aktif di dalam perlumbaan go kart profesional, sehingga Ogos 2017, ILPKL telah terlibat di dalam 3 siri kejohanan Rotax MAX challenge (www.facebook.com/rotaxasia)

yang melibatkan peserta dari pelbagai negara Asia seperti India, Taiwan, Indonesia, Hong Kong dan Thailand.

27. Untuk memantapkan lagi pengetahuan pelajar berkaitan dunia Automotif, ILPKL sedang bekerjasama dengan Pesona Aman untuk membangunkan 20 buah jentera kart dengan menggunakan enjin Modenas. Sebanyak 5 unit kart yang pertama telah diterima pada 8 Ogos 2017 dan kart pertama telah berjaya disiapkan pada 15 Ogos 2017.



28. Sukan pemotoran menawarkan pendapatan yang lumayan. Secara kasar mekanik terlatih berpeluang meraih pendapatan sehingga RM5000.00 untuk satu kejohanan (5 hari bekerja) bergantung kepada lokasi di mana kejohanan tersebut diadakan.



Persediaan untuk menghadapi perubahan teknologi

29. Dr Auto ILPKL turut dilengkapi dengan makmal kenderaan hibrid dan elektrik yang menempatkan peralatan asas untuk menjalankan kursus penyelenggaraan kenderaan hibrid dan elektrik. Ini adalah merupakan persediaan awal Jabatan Tenaga Manusia untuk menawarkan kursus EEV-Hybrid System tahap 2 & 3 di masa akan datang.



30. Makmal yang terletak di bangunan Syed Mohamad Noor Excellence Center (SyMNEC) telah dirasmikan oleh Tuan Syed Mohamad Noor Syed Mohd Ali, Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Tenaga Manusia pada 26 Januari 2017.



31. Antara peralatan yang terdapat di makmal hibrid ILPKL ialah Toyota Prius 2014, LN Car train dan komponen sebenar yang

terdiri daripada inverter, air cond compressor dan high voltage battery.



Kursus peningkatan kemahiran pengajar Automotif 2017

32. Kursus kenderaan elektrik dan hibrid telah dianjurkan dengan kerjasama LN Makmur Sdn Bhd pada 17 – 21 April 2017. Kursus ini telah di hadiri oleh seramai 20 orang pengajar dari 9 buah ILJTM yang menjalankan kursus Automotif.

33. Kursus pembinaan jentera go kart pula telah berjaya di adakan pada 3 – 6 April 2017 dan dihadiri oleh seramai 20 orang pengajar dari 9 buah ILJTM yang menjalankan kursus Automotif.

34. Bagi meningkatkan kemahiran serta memperbaiki reka bentuk jentera perlumbaan yang dihasilkan kursus *Inventor for Cart Designer* telah diadakan pada 2 – 4 Mei 2017 dengan kerjasama Ideas Cad Technology. Kursus ini telah dihadiri oleh seramai 11 orang kakitangan ILPKL dari pelbagai bidang.

Memperkasa latihan kemahiran

35. Seperti mana yang telah digariskan di dalam Rancangan Malaysia ke 11 (RMK 11), institusi TVET perlu bekerjasama dengan industri untuk mempertingkatkan kualiti latihan dan memastikan bahawa silibus latihan yang digunakan adalah menepati kehendak industri semasa. Untuk tujuan ini Pusat Kecemerlangan Syed Mohamad Noor (SyMNEC) akan dijadikan sebagai pusat pembangunan dan penyelidikan jentera perlumbaan dengan kerjasama Pesona Aman, pusat kajian teknologi Nano yang akan digunakan oleh para pelajar Master dan Phd dari UTM untuk membuat kajian mengenai teknologi

Nano, inkubator keusahawanan dengan kerjasama MDEC dan agensi kerajaan yang lain serta pusat pengembangan kreativiti dan inovasi melalui penghasilan projek inovasi oleh pengajar dan pengajar.

36. Untuk merealisasikan hasrat untuk menjadikan SyMNEC ILPKL sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan jentera perlumbaan dan pusat penghasilan inovasi, Jabatan Tenaga Manusia telah meluluskan pemindahan peralatan seperti milling, grinding dan lathe machine dari ILP Kuala Langat ke ILPKL.
37. Sukan pemotoran memerlukan kos penyelenggaraan yang amat tinggi, walau bagaimanapun jika diurus dengan betul ia akan mendatangkan keuntungan yang besar. Atas kesedaran ini pasukan Motorsport ILPKL dengan kerjasama Pesona Aman sedang berusaha untuk membangunkan kart perlumbaan yang mampu beraksi di atas litar perlumbaan dengan kos yang rendah serta mudah untuk di selenggara.





Perancangan masa depan

38. Sebagai salah satu cara untuk mempertingkatkan kesedaran mengenai peluang pekerjaan di dalam sukan pemotoran, ILPKL berhasrat untuk menganjurkan pertandingan perlumbaan Kart Modenas secara dalaman yang akan disertai oleh semua 32 Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) di seluruh Malaysia bermula dari tahun 2018. Objektif utama pertandingan ini adalah untuk mendedahkan kepada peserta mengenai kepentingan bekerja secara berpasukan dan teknik peningkatan kuasa enjin yang berkesan.

39. Hasil dari maklumat yang diterima daripada mekanik yang bertugas di litar perlumbaan di dapati bahawa mereka mempunyai kepakaran yang tinggi tetapi tidak mempunyai sijil yang dapat membantu mereka untuk mendapatkan dana bagi menubuhkan syarikat atau mengembangkan perniagaan sedia ada. Atas kesedaran ini Dr Auto ILPKL akan mengorak langkah untuk membantu mereka mendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia yang sesuai dengan pengalaman yang mereka milik melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).

40. Dr Auto ILPKL dengan kerjasama syarikat seperti SRT Racing, Mentari Academy, FSA Racing dan Idea CAD Technology akan meneruskan program perkongsian ilmu berkaitan teknik pembinaan dan penyelenggaraan jentera perlumbaan kepada semua warga ILJTM dan pihak lain yang berminat pada masa akan datang.
41. Dr Auto ILPKL dengan kerjasama MOST juga bersedia untuk berkongsi model perniagaan yang sedia ada dengan semua Institut Latihan Kemahiran (ILK), Institut Pengajian Tinggi (IPT) serta orang awam yang berminat untuk menceburkan diri di dalam bidang perniagaan melalui penganjuran seminar, khidmat nasihat, kursus keusahawanan dan kursus peningkatan kemahiran.
42. Untuk memaksimumkan fungsi Dr Auto sebagai inkubator eUsahawan bangunan SyMNEC perlu dilengkapi dengan beberapa kemudahan asas seperti ruang penyimpanan alat ganti, ruang menunggu pelanggan serta alat angkat.
43. Jenama Dr Auto juga perlu didaftarkan sebagai entiti harta intelek untuk mengelakkan ianya disalah gunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Disediakan oleh
Jabatan Mekanikal Servis
Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur
Jabatan Tenaga Manusia
Kementerian Sumber Manusia